

QAWAID FIQHIYYAH

Aplikasinya dalam Kewangan Islam

MOHD SYUHADAK MOHD NOOR
MOHD NOORHISHAM MANAF

QAWAID FIQHIYYAH

Aplikasinya dalam Kewangan Islam

MOHD SYUHADAK MOHD NOOR
MOHD NOORHISHAM MANAF

Politeknik Ungku Omar 2023

KENALI PENULIS



MOHD SYUHADAK BIN MOHD NOOR

Merupakan seorang pensyarah program Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) di Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Usul Fiqh (kepujian) dari UIAM. Beliau telah mengajar selama 12 tahun dan terlibat aktif dengan pembangunan kurikulum program Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Malaysia dan penulisan buku-buku ilmiah.

MOHD NORHISHAM BIN MANAF

Merupakan seorang pensyarah program Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) di Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan Islam) (Kepujian) dari UiTM dan Islamic Financial Planner (IFP). Beliau berpengalaman mengajar selama 12 tahun dan terlibat dengan penulisan modul kursus-kursus dalam program Kewangan Islam.



HAKCIPTA DAN PENAFIAN



Penulis

MOHD SYUHADAK MOHD NOOR
MOHD NOORHISHAM MANAF

Editor

MOHD SYUHADAK MOHD NOOR
MOHD NOORHISHAM MANAF

Rekacipta

MOHD SYUHADAK MOHD NOOR
MOHD NOORHISHAM MANAF

Pruf

AMIR FARIZ BIN CHE MAN

Terbitan pertama 2023
eISBN 978-629-7635-07-01

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada penerbitan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, salinan fotokopi, rakaman, mekanikal atau cara lain kecuali mendapat kebenaran penulis.

Diterbitkan oleh:
Politeknik Ungku Omar
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

SINOPSIS

ebook "Qawaid Fiqhiyyah" adalah sebuah panduan yang komprehensif untuk memahami prinsip-prinsip kaedah Fiqh yang membantu dalam memahami dan mengamalkan hukum-hukum Islam terutama dalam perkara yang berkaitan kewangan Islam. Buku ini ditujukan khusus bagi mahasiswa pada peringkat diploma yang ingin memperdalam pemahaman mereka tentang hukum Islam dan aplikasinya dalam kehidupan seharian.

Dalam ebook ini akan memperkenalkan kepada pembaca konsep kaedah Fiqh dan aplikasinya berkaitan kewangan Islam. Topik pertama memberikan pengenalan tentang konsep Qawaid Fiqhiyyah dalam pemahaman yang tepat dan menjelaskan sejarah serta perkembangan ilmu ini dari masa ke masa.

Topik kedua pula menjelaskan lima kaedah asas Qawaid Fiqhiyyah, aplikasinya dan cabang-cabang dari kaedah asas ini.

Pembaca juga akan mempelajari dan memahami bagi topik ketiga dalam ebook ini tentang Qawaid Fiqhiyyah yang boleh digunakan dan diaplikasi dalam bidang kewangan Islam. Pemilihan beberapa kaedah Qawaid Fiqhiyyah yang ada hubungkait secara langsung dalam bidang muamalat dan kewangan Islam juga ditekankan dalam topik ini.

PRAKATA



Dalam realiti dunia moden yang terus berkembang, keperluan akan pemahaman yang mendalam tentang hukum-hukum Islam dalam konteks kewangan semakin meningkat. Masyarakat Muslim memerlukan panduan yang kuat dan berlandaskan prinsip-prinsip syariah dalam mengatur kewangan mereka, baik dalam transaksi perniagaan, pelaburan, atau pengurusan harta.

Buku ini, "Qawaid Fiqhiyyah Aplikasinya dalam Kewangan Islam," disusun dengan tujuan untuk menyediakan kepada pembaca panduan yang komprehensif dan terperinci mengenai prinsip-prinsip fiqh dalam kewangan Islam. Dalam penulisan buku ini, kami berusaha menggabungkan pengetahuan yang mendalam tentang hukum Islam dan kewangan moden.

Buku ini terdiri dari beberapa topik yang membahaskan tentang pelbagai aspek penting dalam kewangan Islam, mulai dari konsep Qawaid Fiqhiyyah, kaedah-kaedah asas Qawaid Fiqhiyyah serta Qawaid Fiqhiyyah dalam kewangan Islam. Setiap topik dilengkapi dengan penjelasan mendalam, contoh dan rujukan yang relevan, sehingga pembaca dapat memahami konsep-konsep tersebut secara komprehensif.

Kami berharap agar buku ini dapat memberikan pemahaman yang kukuh dan memberikan landasan yang tepat bagi pembaca dalam mengambil keputusan kewangan yang berpandukan hukum shariah.

Kami ingin mengucapkan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada semua pihak yang telah membantu penulisan buku ini. Khususnya kepada Politeknik Ungku Omar, Ketua Program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam Jabatan Perdagangan dan para pensyarah yang telah menyumbang pengetahuan dan pengalaman mereka dalam penghasilan ebook ini.

Harapan kami supaya buku ini menjadi panduan dan memperluas pemahaman kita tentang prinsip-prinsip kewangan Islam. Semoga Allah meredhai usaha kita semua dalam mengamalkan nilai-nilai syariah dalam kehidupan kita.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

**MOHD SYUHADAK MOHD NOOR
MOHD NOORHISHAM MANAF
2023**

KANDUNGAN

Muka surat

Hak cipta	i
Kenali penulis	ii
Sinopsis	ii
Prakata	iv

1 Konsep Qawaid Fiqhiyyah

- Konsep umum Qawaid Fiqhiyyah 2
- Pengertian kaedah fiqh 6

1

2 Lima kaedah asas Qawaid Fiqhiyyah

- Setiap perkara bergantung kepada niat 10
- Kerumitan membawa kemudahan 15
- Kemudaratan mestilah dihapuskan 21
- Keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan Syak 24
- Adat boleh dijadikan hukum 28

2

3 Aplikasi Qawaid Fiqhiyyah dalam Muamalat.

- Kaedah pertama 36
- Kaedah kedua 37

3

4 Kesimpulan Latihan Rujukan

- 42
- 43
- 44

TOPIK

1

KONSEP QAWAID FIQHIYYAH



KONSEP UMUM QAWAID FIQHIYYAH

Pengertian Qawaид Fiqhiyyah

Qawaيد Fiqhiyyah terdiri daripada dua perkataan Arab yang berlainan iaitu *Qawaيد* dan *Fiqhiyyah* yang disebut 'Murakkab Idafi'.

Qawaيد dari sudut bahasa

- Qa'idah bermaksud "asas" atau "dasar" (kata tunggal), Qawa'id (kata jamak)
- Asas dan setiap perkara yang dijadikan dasar kepada sesuatu
- Asas atau dasar yang baik yang bersifat abstrak ataupun konkret, seperti asas rumah atau dasar agama.
- Kaedah dengan makna asas mempunyai beberapa sandaran di dalam al-Quran dan juga hadis Rasulullah SAW.
- Istilah Qawaيد di dalam Al-Quran:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا قَبْلَ مَنَّا إِنَّكَ
أَنَّ السَّمِيعَ الْعَلِيمَ
١٢٧

Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui. (Al-Baqarah:127)

Qawaид dari sudut istilah

Pelbagai takrif dan definisi telah dikemukakan oleh para Fuqaha, antaranya:

- 1) Dasar-dasar utama Fiqh yang bersifat menyeluruh (kulliyyah), dalam bentuk teks perlembagaan ringkas, mengandungi hukum-hakam perundangan dalam sesuatu isu yang termasuk dalam skop perbincangannya (Imam al-Jarjani)
- 2) Hukum Syarak dalam permasalahan majoriti (aghlabiyah) yang digunakan untuk mengetahui hukum-hakam di bawahnya (Imam Shatibi)
 - Merupakan hasil kajian terhadap nusus, ijmak dan fatwa para ulama' dan mencari prinsip kesamaan yang mengaitkan hukum-hukum Syarak yang mempunyai sifat atau 'illah hukum yang sama.
 - Setiap kaedah adalah bersifat umum dan diterima pakai dalam setiap permasalahan Fiqh (ibadat, munakahat, muamalat, jinayat) mengikut kesesuaian

Fiqh dari sudut bahasa

- Fiqh bererti faham, dalam pengertian atau pemahaman yang mendalam yang menghendaki pengerahan potensi akal.
- Para ulama Usul Fiqh mendefinisikan Fiqh sebagai mengetahui hukum-hukum Islam (Syarak) yang bersifat amali (amalan) melalui dalil-dalilnya yang terperinci.
- Para ulama Fiqh mendefinisikan Fiqh sebagai sekumpulan hukum amaliah (yang sifatnya akan diamalkan) yang disyariatkan dalam Islam.

Fiqh dari sudut istilah

Dari segi istilah, pelbagai pengertian telah dikemukakan oleh para ulama, walaupun berbeza dari segi lafaz tetapi dari sudut makna ia hampir mempunyai persamaan.

- a) al-Zarkashi dan al-Isnawi telah memberi pengertian Fiqh dengan katanya: Mengetahui hukum-hukum syarak yang berbentuk praktikal yang diambil daripada dalil-dalil yang terperinci.
- b) Manakala al-Amidi menyebut Fiqh ialah ilmu yang terhasil secara jumlahnya daripada hukum-hukum syarak yang far'i dengan cara memerhati dan menggunakan dalil.
- c) al-Baji memberi pengertian yang lebih ringkas tentang Fiqh iaitu mengetahui hukum-hukum syarak.
- d) Ibn Qudamah berkata: Fiqh ialah mengetahui hukum-hukum syarak yang berbentuk perbuatan seperti halal, haram, sah dan fasad.

Kesimpulan tentang maksud Fiqh ialah mengetahui sesuatu perkara yang berkaitan dengan hukum-hukum syarak yang berbentuk praktikal dengan mendalam dan terperinci yang diambil daripada dalil yang terperinci.

TAHUKAH ANDA?

Perkataan Fiqh adalah merupakan pecahan bagi kata dasar **(فقه)** dan diulang sebanyak 20 kali di dalam Al-Quran

Hubungan Fiqh dan Syariah

Dari segi maksud bahasanya, syariah mempunyai beberapa maksud antaranya ialah **jalan yang lurus** dan juga **tempat manusia mencari sumber minuman**. Kedua-dua makna tersebut mempunyai maksud yang sama dengan syariah kerana kedua-duanya mempunyai persamaan iaitu menjadi tempat tumpuan manusia.


Firman Allah Ta'ala:

ثُمَّ جَعْلَنَاكَ عَلَى شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَنَجَّيْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Kesudahannya Kami jadikan engkau (Wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar). (*Surah Al-Jaathiyah : 18*)

Manakala dari sudut istilah, syariah bermaksud “ Segala hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah ke atas hambanya (Mukallaf) menerusi seorang rasul. Hukum-hakam yang diturunkan oleh Allah disebut sebagai syariat kerana lurusnya hukum tersebut dan sekali-kali tidak bengkok atau menyeleweng daripada jalannya.



Pengertian Kaedah Fiqh Sebagai Suatu Ilmu Yang Khusus.

Pengertian Ulama Terdahulu/Silam

a) al-Subki:

Sesuatu yang *kulli* (keseluruhan) yang boleh diaplikasikan ke atasnya juzuk-juzuk yang banyak, yang dapat difahami hukum darinya.

b) al-Hamawi:

Hukum kebanyakan bukan *kulli* (keseluruhan) yang boleh diaplikasikan ke atas kebanyakan juzuk-juzuk untuk mengetahui hukum daripadanya.

c) al-Taftazani:

Hukum *kulli* yang boleh diaplikasikan ke atas kesemua juzuk untuk mengetahui hukum daripadanya.

d) al-Jirjani:

Sesuatu yang bersifat *kulli* yang boleh diaplikasikan ke atas kesemua *juz'iyyatnya*.

Pengertian Ulama Terkini/Semasa

a) al-Zarqa':

Asas-asas Fiqh yang bersifat Usul Fiqhiyyah yang berbentuk Umum/*kulli*, dalam bentuk nas perundangan yang ringkas, meliputi hukum-hukum perundangan yang umum dalam persoalan-persoalan yang dimasukkan di bawah mauduknya.

b) Mustafa Shalabi:

Asas atau pokok yang umum/*kulli* yang dibentuk daripada nas ringkas yang merangkumi hukum-hukum syarak yang umum tentang peristiwa yang termasuk di bawah mauduknya.

c) Ali al-Nadwi:

Menjelaskan dua takrif ilmu ini:

i. Hukum syarak dalam bentuk isu-isu kebiasaan yang dapat diketahui daripadanya hukum-hukum di bawahnya.

ii. Dasar Fiqh yang bersifat umum/*kulli* yang merangkumi hukum-hukum umum yang disyariatkan dalam pelbagai bab mengenai masalah-masalah yang terkandung di bawah lingkungannya



Kesimpulannya kaedah Fiqh (Qawaaid Fiqhiyyah) ialah ilmu yang menjelaskan tentang kaedah-kaedah yang bersifat "*Kulli*" (umum) yang boleh diaplikasikan ke atas kesemua juzu'nya (pecahan-pecahannya).

Kepentingan Qawaaid Fiqhiyyah

- Memudahkan urusan bagi penghafalan dan pengetahuan bab-bab Fiqh yang pelbagai dan luas kerana penguasaan terhadap semua masalah Fiqh yang banyak adalah sukar.
- Pembinaan "*al-Malakah Fiqhiyyah*" (keupayaan memahami Fiqh) dalam diri pelajar.
- Penyelarasan dan pemeliharaan hukum-hukum Fiqh agar tidak bertentangan di antara satu sama lain.
- Memberi gambaran umum mengenai sesuatu hukum Fiqh.
- Dapat menghimpunkan masalah-masalah Fiqh yang banyak ke dalam satu kaedah yang ringkas dan padat.

TOPIK

2

LIMA KAEDAH ASAS QAWAID FIQHIYYAH



LIMA KAEADAH QAWAID FIQHIYYAH

Terdapat beberapa kaedah atau prinsip dalam Qawaid Fiqhiyyah yang digunakan untuk menghasilkan keputusan hukum dalam Islam. Berikut adalah lima kaedah utama dalam Qawaid Fiqhiyyah:

1

الأمور بمقاصدها

(SETIAP PERKARA BERGANTUNG KEPADA NIAT)

2

المشقة تجلب التيسير

(KERUMITAN MEMBAWA KEPADA KEMUDAHAN)

3

الضرر يزال

(KEMUDARATAN MESTILAH DIHAPUSKAN)

4

البيقين لا يزال بالشك

(KEYAKINAN TIDAK BOLEH DIHILANGKAN
DENGAN SYAK)

5

العادة مُحَكَّمةٌ

(ADAT BOLEH DIJADIKAN HUKUM)

1

KAEDAH PERTAMA

الأمور بمقاصدها

(Setiap perkara bergantung kepada niat)

Maksud

Al-Umur: bermaksud merangkumi semua perkara dan tindakan yang keluar dari seorang manusia sama ada melakukan atau meninggalkan. Ia juga meliputi perbuatan, perkataan ataupun niat. Oleh itu, setiap tindakan atau sesuatu yang keluar dari seseorang manusia adalah terikat dengan apa yang diniatkan untuk diberi ganjaran atau pembalasan.

Dalil kaedah: Hadis yang diriwayatkan Bukhari

“إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ”

(Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat)

Penerangan

- Niat seorang muslim yang mukallaf diambil kira dalam menentukan halatuju dan tujuan perbuatannya.
- Niat akan menentukan sama ada sesuatu perkara itu halal atau haram, sah atau batal dan sebagainya.



Tujuan dan kepentingan niat

Majoriti para ulama telah menggariskan kepada dua perkara iaitu:-

1. Tujuan yang paling utama disyariatkan niat ialah untuk **membezakan sesuatu perbuatan yang dilakukan sama ada ia kerana adat ataupun ibadat.**

CONTOH

- a. Individu muslim yang mengambil wuduk atau meratakan air keseluruh tubuhnya, perbuatan tersebut sama ada untuk membersihkan tubuhnya yang kotor atau menyejukkan tubuhnya pada hari yang panas terik atau kemungkinan juga kerana tujuan ibadah.
- b. Seorang mukallaf yang tidak menjamah apa-apa makanan sejak dari pagi berkemungkinan untuk diet atau untuk menjaga kesihatannya atau juga mungkin dia sedang berpuasa.

Beberapa contoh perbuatan di atas tidak dapat dibezaan kedudukannya sama ada kerana adat dan kebiasaan atau kerana menurut apa yang diperintahkan oleh Allah SWT. Maka untuk membezakan perbuatan tersebut memerlukan kepada niat daripada mereka yang melakukannya.



Tujuan dan Kepentingan niat

2. Untuk membezakan kedudukan suatu ibadah dengan ibadah yang lain.

Seorang mukallaf yang berwuduk atau mandi, sembahyang, puasa dan lain-lain ibadah yang khusus kadang –kadang ia melakukannya kerana status fardu, nazar atau sunat. Untuk membezakan antara fardu dengan sunat maka disyariatkan niat.


Penjelasan tambahan tentang kedudukan niat.


-Niat Tidak Perlu dan Tidak Diwajibkan Ketika Tiada Persamaan Mana-mana Perbuatan.

Contohnya beriman kepada Allah SWT, membaca Al-Quran dan berzikir kerana perbuatan-perbuatan seumpama ini telah dibezakan oleh ibadah itu sendiri dengan mana-mana perbuatan yang lain. Walaupun demikian, jika perbuatan yang disebutkan tadi sekiranya dinazarkan maka hukumnya wajib diniatkan. Mengapa ia wajib diniatkan? tujuannya ialah untuk membezakan ibadah yang dilakukan itu sama ada wajib ataupun sunat.

-Perlu dan Wajib Berniat Ketika Meninggalkan Larangan.

Perbuatan yang dilarang walaupun tanpa niat, tetapi untuk mendapatkan ganjaran ia perlu diniatkan. Kerana kemungkinan seseorang itu tidak berzina bukan kerana takutkan Allah tetapi kerana tidak berpeluang untuk berzina. Seseorang itu kemungkinan tidak mencuri bukan kerana takutkan Allah tetapi kerana tidak ada benda yang ingin dicuri atau tidak berpeluang untuk mencuri. Jadi untuk diberikan ganjaran dan pahala seseorang perlu berniat bahawa ia meninggalkan perbuatan tersebut semata-mata kerana larangan dari Allah.





-Niat Mesti Wajib Diperincikan Jika Mempunyai Kesamaran.

Syarat Niat

Apabila ada sesuatu ibadah yang mempunyai kesamaran atau persamaan dengan lain-lain ibadah maka niatnya hendaklah diperincikan dan niatnya tidak boleh diumumkan sahaja. Adapun ibadah yang tidak mempunyai kesamaran dengan ibadah lain ia tidak perlu ditentukan. Oleh itu ketika berniat melakukan solat diwajibkan memperincikan jenis sembahyang yang akan dilakukan sama ada Asar atau Zohor kerana sembahyang yang dilakukan tersebut mempunyai persamaan dengan sembahyang lain dari segi bentuk dan caranya.

- 
- Kontrak **Wakalah**, bank sebagai wakil kepada pelanggan untuk membeli sesuatu aset (mesin), kemudian bank membeli barang yang berbeza (tanah).

- Jika bank **berniat** membeli untuk pihaknya sendiri maka ia adalah milik bank.
- Jika **niat** bank membeli bagi pihak pelanggan, dan pelanggan masih setuju menerima maka jual beli masih sah.



Wakalah ?

APLIKASI DALAM KEWANGAN ISLAM
Maksud Wakalah ialah seseorang (*muwakkil*)
melantik satu pihak yang lain (*wakil*) sebagai
wakilnya untuk mengendalikan urusannya

Maklumat lanjut berkaitan wakalah disini

SCAN ME



2

KAEDAH KEDUA

المشقة تجلب التيسير

(Kerumitan membawa kemudahan)

Masyaqqah atau kerumitan dan kesukaran yang akan menjadi sebab kepada keringanan dan dipermudahkan. Berdasarkan kaedah ini (*Al-Masyaqqah Tajlibu al-Taisir*) ialah masyaqqah yang melebihi had biasa dan tidak mampu lagi ditanggung oleh manusia pada kebiasaannya, bahkan boleh memudaratkan diri pada seseorang dan menghalangnya dari melakukan kerja amal ibadah yang berguna.

Masyaqqah dari sudut bahasa bermaksud sesuatu yang meletihkan dan menyukarkan. Manakala dari sudut istilah pula masyaqqah digunakan khusus bagi merujuk kepada sesuatu yang pada kebiasaannya mampu dilakukan, tetapi dalam kes tertentu ia telah terkeluar daripada batas-batas kebiasaan dan menyebabkan seseorang mukallaf mengalami kesukaran untuk melaksanakannya.

Kaedah kedua ini bermaksud kesukaran dan kerumitan itu menarik adanya kemudahan atau setiap kesukaran membawa kepada keringanan. Selain itu juga, kaedah ini bermaksud, apabila terdapat sesuatu kesusahan atau kesulitan dalam menunaikan dan melaksanakan perintah Allah SWT, perintah itu diringankan, tidak seperti asalnya. Berdasarkan kaedah tersebut terbentuknya semua hukum rukhsah atau keringanan dalam syariat Islam. Bahkan, ia selaras dengan lafadz kaedah :

“ Sesungguhnya semua perkara arahan dan suruhan apabila ia membebangkan terhadap hamba atau manusia mengerjakannya, gugur suruhan terhadapnya dan segala perkara tegahan dan larangan membebangkan hambanya menjauhinya, gugur tegahan mengenainya”.



NAS DAN DALIL BERKAITAN DENGAN KAEDAH MASYAQQAH TAJLIBU AL-TAISIR

Dibawah ini merupakan dalil-dalil atau nas-nas syarak yang berkaitan dengan kaedah ini, antaranya ialah :

i. Al-Quran

Berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”. (Al-Baqarah: 185)

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud :

“Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajipan melainkan sekadar kesanggupannya” (Al-Baqarah:286)

Kesimpulan berdasarkan kepada firman Allah SWT di atas ialah Allah SWT tidak menginginkan kesukaran kepada umat ini. Sebaliknya mereka disuruh melaksanakan sesuatu tanggungjawab sekadar termampu atau mengikut kemampuan seseorang itu untuk melaksanakan sesuatu perkara.

ii. Sunnah An-Nabawiyyah

Berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW :

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((يسرُوا وَلَا تُعُسِّرُوا))

Maksudnya:

“Nabi SAW bersabda, permudahkanlah dan jangan menyusahkan”.

Hadir di atas menjelaskan bahawa syariat Islam adalah mudah dan ringan. Ia juga adalah sebahagian daripada tujuan syarak.

Sebab-sebab keringanan

Terdapat tujuh sebab keringanan yang diberikan oleh syarak dalam ibadat iaitu :



1

Musafir

Syarak memberikan keringanan seperti qasar dan jamak solat serta berbuka puasa



2

Sakit

Syarak memberikan keringanan seperti meninggalkan puasa dan tayammum.



3

Paksaan

Syarak mengharuskan seseorang yang dipaksa untuk melafazkan perkataan kufur.

4

Lupa

Seseorang yang makan dalam keadaan terlupa semasa berpuasa, tidak terbatas puasanya.

5

Kejahilan

Tidak batal solat orang yang bercakap semasa solat dalam keadaan jahil.



6

Kepayahan

Tanaman yang terkena najis binatang yang membajaknya dimaafkan.



7

Kekurangan

Orang gila dan bayi tidak diberikan tanggungjawab oleh syarak

Jenis-jenis keringanan Syarak



1

تخفيف اسقاط

Keringanan dengan menggugurkan kewajipan

Contoh: Tidak wajib atau gugur sembahyang Jumaat kerana ada halangan tertentu.



2

تخفيف تنفيص

Keringanan dengan mengurangkan bebanan.

Contoh: Memendekkan atau qasar sembahyang Zohor atau Asar menjadi dua rakaat.



3

تخفيف ابدال

Keringanan dengan gantian atau penukaran.

Contoh: Ditukarkan berwuduk dan mandi dengan bertayammum.

4

تخفيف تقديم



Keringanan dengan mendahulukan.

Contoh: Menyegerakan membayar zakat sebelum waktu atau haulnya.



5

تخفيف تأخير

Keringanan dengan mengakhirkkan.

Contoh: Menangguhan puasa Ramadhan kerana musafir.



6

تخفيف ترخيص

Keringanan mendapat rukhsah kerana terdesak atau terpaksa.

Contoh: Minum arak kerana terlalu dahaga dan ketiadaan air.

7

تخفيف تغير

Keringanan mengubah atau menukar.

Contoh: Menukar dan mengubah kedudukan serta cara mendirikan sembahyang ketika dalam keadaan ketakutan dan menghadapi musuh.



APLIKASI DALAM KEWANGAN ISLAM

Tawidh (Ganti rugi)

Tawidh (gantirugi) merujuk kepada tuntutan untuk kerugian sebenar yang ditanggung oleh pihak Bank disebabkan pembayaran lambat (melebihi tempoh) oleh pelanggan.



Gharamah (Denda atau penalti)

Merujuk kepada caj denda yang dikenakan keatas kelewat pembayaran dalam sesuatu pembiayaan tanpa perlu membuktikan kos sebenar.



Caj Lewat Bayar (Ta'widh atau Gharamah) dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:

- Hanya kepada pembiayaan yang berasaskan kontrak jual beli (termasuk sewaan) atau qard sahaja.
- Melepassi tarikh pembayaran sebagaimana yang telah dipersetujui dalam kontrak
- IFIs boleh menjadikan ta'widh sebagai hasil perolehan di atas dasar itu adalah kerugian sebenar yang ditanggung
- Gharamah tidak boleh dikira sebagai hasil perolehan bank dan hanya disalurkan kepada Baitulmal atau mana-mana badan kebaikan yang mendapat kelulusan Jawatankuasa Syariah.

Bai' Salam

Bai' As-Salam ialah perjanjian jual beli sesuatu barang. Dimana pembayaran secara serta merta dan dibuat secara tunai tetapi penyerahan barang ditangguhkan ke suatu masa yang ditetapkan. Barang tersebut mestilah spesifik butirnya termasuk bentuk, spesifikasi, kualiti dan kuantiti secara terperinci.



Maklumat lanjut berkaitan Bai' Salam

3

KAEDAH KETIGA

الضرر يزال

(Kemudaranan mestilah dihapuskan)

ISLAM adalah agama yang memberi manfaat dan mencegah kemudaranan kepada manusia. Berdarkan al-Quran dan as-Sunnah, hukum-hakam syariah didalamnya cenderung kepada mengharamkan sesuatu perkara yang boleh memberikan kemudaranan kepada manusia. Ia kemudian disusuli dengan penyelesaian yang boleh membawa kepada kemaslahatan. Daripada kerangka inilah, timbulnya hukum-hukum taklifi iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus.

Mudarat adalah sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya kepada keperluan atas manusia seperti agama, diri, keturunan, akal dan harta.

Sejajar dengan itu, para ulama telah menggagaskan kaedah fiqh ini yang bermaksud semua kemudaranan mesti dihapuskan



DALIL-DALIL BERKAITAN DENGAN KAEDAH AD-DHARAR YUZAL

i. Al-Quran

Berdasarkan kepada firman Allah SWT :

Maksudnya :

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan". (**Al-a'raf: 56**)

Firman Allah SWT lagi :

Maksudnya :

"Sedang Allah tidak suka kepada orang-orang yang melakukan kerosakan".
(Al-Maidah: 64)

ii. Sunnah An-Nabawiyyah

Berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW :

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لا ضرر ولا ضرار

"Tiada mudarat dan tidak memudaratkan"

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

APLIKASI DALAM KEWANGAN ISLAM



Perbankan Islam sepatutnya tidak membiayai kilang-kilang senjata (kecuali dalam keadaan tertentu)



Tidak membiayai syarikat berdasarkan hiburan yang melalaikan



Penetapan gaji minimum yang lebih tinggi untuk pemohon kad kredit oleh BNM adalah untuk mengurangkan kadar muflis dan “defaults”



Penetapan harga sesuatu barang dalam transaksi inah dan tawarruq



Penetapan “asset pricing” dalam sukuk.

4

KAEDAH KEEMPAT

الْيَقِينُ لَا يَزَالُ بِالشُّكُورِ

(Keyakinan tidak hilang semata-mata dengan syak)

PENDAHULUAN

Kaedah ini adalah asas kepada hukum Syarak . Kekuatan kaedah kerana ianya bersandarkan kepada al-Quran, al-Sunnah dan juga akal. Kaedah ini banyak digunakan dalam pengajian hukum Islam, sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Suyuti. Selain daripada cara yang diperkatakan, kaedah ini juga boleh diungkapkan dengan cara yang berbeza tetapi dengan maksud yang sama.

MAKSUD UMUM KAEADAH

Apabila sesuatu perkara atau sesuatu keadaan telah diyakini ketetapannya atau telah diputuskan hukumnya berdasarkan kepada dalil-dalil yang kuat atau tanda-tanda yang dipercayai maka perkara tersebut atau keadaan tersebut tidak akan terangkat hukum yakin semata –mata dengan syak yang lemah atau andaian yang tidak disandarkan kepada dalil yang kuat. Hukum tadi akan berterusan sehingga datangnya dalil yang setara dengannya.



PENGERTIAN

Yakin

Syak

Bahasa

Bahasa

Fairuz Abadi: Jauh dari keraguan.

Al-Jirjani: Pengetahuan yang tiada keraguan bersamanya.

Istilah

Jirjani: Beriktiqad bahawa sesuatu itu dalam keadaan begini di samping itu ia juga beriktiqad tidak mungkin selain dari yang diiktiqad tadi, serta ia bersesuaian dengan keadaan dan tidak mungkin akan hilang.

Istilah

Imam al-Nawawi: Teragak-agak antara dua keadaan sama ada wujud atau tidak sesuatu perkara, sama ada kedua-duanya berada pada satu tahap atau yang satu lebih.



DALIL DAN SANDARAN KAEADAH

i. Al-Quran

وَمَا يَتَبَعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنَّ أَنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحُقْقَ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ

Maksudnya: "Dan kebanyakannya mereka, tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (iktiqad). Sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan apa yang mereka lakukan."

(Surah Yunus: 36)

2. Dalil Dari Hadis

عن عباد بن تميم عن عميه أنه شكا الى رسول الله صلى الله عليه وسلم الرجل الذي يخيل اليه أنه يجد الشيء في الصلاة فقال لا ينتقل او لا ينصرف حتى يسمع صوتنا أو يجد ريحنا.

Maksudnya : Dari Ubbad ibn Tamim dari bapa saudaranya bahawa beliau telah mengadu kepada Rasulullah seorang laki-laki yang syak bahawa ada sesuatu ketika sembahyang maka jawab Rasulullah jangan beredar sehingga ia mendengar bunyi atau tercium baunya.

APLIKASI DALAM KEWANGAN ISLAM

Keyakinan tidak dihapuskan dengan syak

CONTOH KES



Pelanggan mendakwa telah membayar bayaran bulanan kepada pihak bank, tetapi beliau tidak mempunyai resit(bukti), bank juga tiada bukti bahawa bayaran telah dibuat. Maka pelanggan dianggap belum membayar sehingga ada **bukti kukuh**.

CONTOH KES

Penyumbang modal dalam kontrak **Mudharabah** mendakwa adanya kecuaian pihak bank dalam pelaburan. Beliau perlu memberi **bukti kukuh**, jika tiada kerugian perlu ditanggung oleh (Penyumbang Modal), kerana Mudharabah adalah berdasarkan amanah (*trust*).



Mudharabah ?

Mudharabah ialah satu perjanjian di antara pemilik modal dan pengusaha projek. Di dalam perjanjian ini pengusaha dibenarkan untuk menggunakan dana untuk menjalankan aktiviti perniagaannya.

Sebarang keuntungan perniagaan akan dibahagi di antara kedua pihak mengikut nisbah yang telah dipersetujui dalam perjanjian. Sekiranya rugi, pemberi modal akan menanggung kerugian keseluruhannya.

Maklumat lanjut berkaitan mudharabah

SCAN ME



5

KAEDAH KELIMA

الْعَادَةُ مُحَكَّمَةٌ

(Adat boleh dijadikan hukum)

Kaedah ini bermaksud bahawa adat atau uruf sesuatu masyarakat yang tidak bertentangan dengan nas syarak diambil kira dalam penentuan hukum syarak.

Definisi al-Adah

Al-Adatu bermaksud sesuatu yang berulang-ulang . Ia sesuai diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai kebiasaan.

Definisi al-Urf

al-Urf seerti dengan maaruf iaitu sesuatu yang diketahui manusia daripada segala kebaikan dan mereka menerima dengan itmi'nan(tenang).

Manakala dalam bahasa Melayu, ia sesuai diterjemahkan sebagai sesuatu yang difahami sebagai adat seperti adat resam, adat pepatih, adat Melayu dan sebagainya. Kerana adat-adat tersebut dikenali dalam kalangan orang-orang Melayu, Minangkabau dan lain-lain.

Adah dan Urf merupakan salah satu sumber penting untuk mengeluarkan hukum syarak . Para ulama yang mengiktirafkannya melihat ia sebagai salah satu sumber yang amat penting terutama dalam permasalahan yang berkaitan dengan hubungan antara sesama makhluk dan dalam beberapa aspek yang lain, kerana di sana ada persoalan yang tidak dapat di selesaikan dengan menggunakan sumber-sumber yang disepakati iaitu al-Quran, Al-Sunnah,Ijmak dan Qiyyas.



SYARAT PENGGUNAAN KADEAH INI DALAM MUAMALAT

1. Urf yang tidak berlawanan dengan nas syarak.

Iaitu sesuatu urf atau mana-mana bahagiannya hendaklah tidak berlawanan dengan dalil dan nas syarak.

2. 'Urf mestilah "Muttaridan" (مضطربدا) dan "Ghaliban" (غالباً)

"Muttaridan" bermaksud kulliyah iaitu bersifat menyeluruh dan dapat digunakan secara umum, tersebar luas dan diketahui semua. Manakala "ghaliban" pula bermaksud majoriti iaitu diamalkan oleh majoriti manusia.

3. 'Urf yang menjadi sandaran mestilah wujud semasa hukum dikeluarkan melaluinya.

'Urf tersebut mestilah diamalkan secara meluas sama ada yang berbentuk perkataan atau perbuatan semasa sesuatu hukum ditetapkan melaluinya, jika sesuatu hukum ditetapkan dan dikeluarkan melalui 'urf yang sudah tidak diamalkan lagi maka hukum tersebut tidak dianggap "muhakkamah".

4. 'Urf yang sunyi daripada perkataan atau perbuatan yang bersalahan.

'Urf mestilah bersih dari sebarang pembatalan yang jelas oleh kata-kata atau perbuatan. Sebagai contoh, jika 'Urf untuk bayaran di kedai tertentu adalah "taqsit" (ansuran) maka ia akan terbatal sekiranya pihak pembeli menjelaskan untuk membayar tunai. Begitu juga jika pada 'urf, kos penghantaran barang adalah tanggungan penjual, akan terbatal jika kedua-dua belah pihak bersetuju untuk meletakkan kos tersebut kepada pembeli.

APLIKASI DALAM KAEDEH AL-ADATU MUHAKKAMAH

Bai salam

Jual beli secara tempahan. Contohnya menempah pakaian, makanan dan sebagainya dengan bayaran pendahuluan. Manakala barang akan diserahkan kemudian setelah barang tempahan siap.

Pawah



Pawah ialah cara memberi wang upah untuk menjaga haiwan. Segelintir masyarakat di bahagian tertentu di Malaysia telah melakukan perkara ini sejak sekian lama dan ia telah menjadi tradisi atau *urf* yang masih diamalkan sehingga kini.

Jual beli

- Bai' al-Mu'atih (pertukaran tangan).
- Jual beli dengan bayaran deposit .
- Menentukan alat untuk sukanan atau timbangan dalam jual beli.
- Penggunaan mata wang bagi tujuan pembayaran.



Sewaan /Upah

Kaedah ini diguna pakai untuk mengharuskan perkara-perkara seperti berikut:

- Perihal barang keperluan akibat daripada alat yang disewa.
Contoh: Orang yang menyewa kereta tidak boleh menuntut harga petrol daripada tuan punya kenderaan.
- Kewajipan membayar upah.
Contoh: Seorang yang menyerahkan kain kepada tukang jahit tidak perlu mensyaratkan upah bagi pekerjaan tersebut kerana kebiasaan setiap pekerjaan dibayar upah.



ISU SEMASA MUAMALAT BERKAITAN URF

1. Transaksi menggunakan kad kredit.



Menggunakan kad kredit adalah perkara biasa untuk membeli dan menjual sesuatu, terutamanya dalam perniagaan. Apabila anda menggunakan kad kredit, bermakna anda berjanji untuk membayar balik wang itu kemudian. Tetapi bagi orang yang menjual barang, mereka gembira menerima kad kredit kerana mereka boleh mendapatkan wang itu dengan segera dari bank. Jadi, menerima kad kredit sebagai pembayaran sama seperti dibayar dengan tunai.

2. Transaksi menggunakan kad debit



Kad debit ialah kad khas yang membantu orang ramai membeli sesuatu tanpa menggunakan wang tunai. Apabila anda menggunakan kad debit, wang itu diambil terus dari akaun bank anda. Ia berbeza dengan kad kredit kerana anda hanya boleh menggunakanya jika anda mempunyai wang yang mencukupi dalam akaun bank anda.

ISU SEMASA MUAMALAT BERKAITAN URF

3. Transaksi didalam talian (internet).

Kecanggihan teknologi masa kini memberi ruang dan peluang kepada komuniti untuk menjalankan perniagaan harian mereka dalam talian. Perkara ini nampaknya sudah menjadi adat masyarakat sekarang dan perlu kerana ia memudahkan urusan. Perkara yang boleh dilakukan melalui Internet termasuk:




4. Transaksi menggunakan telefon pintar.

Kemudahan ini boleh dicapai oleh mereka yang memiliki telefon bimbit, dimana seperti yang kita ketahui hari ini hampir semua orang mempunyai telefon bimbit pintar.

Contoh transaksi:

- a. Belian (tiket kapal terbang atau bas, bayar bil dan lain-lain)
- b. Perbankan.
- c. Zakat, sedekah online



- a. Jual-beli
- b. Pinjaman
- c. Sewaan
- d. Pembatalan tali

ISU SEMASA MUAMALAT BERKAITAN URF



5. Jual beli menggunakan e-Wallet dan QR Code.



E-Wallet adalah seperti dompet digital khas yang menjadikannya sangat mudah untuk membayar sesuatu. Daripada menggunakan wang sebenar, anda menggunakan kod khas untuk menghantar wang kepada orang lain atau kedai. Ia seperti memindahkan wang dari satu dompet ke dompet yang lain. Satu-satunya perbezaan ialah e-Wallet adalah maya, bermakna anda tidak boleh memegangnya di tangan anda seperti dompet biasa. Beberapa e-dompet yang popular ialah [GrabPay](#), [Touch n Go](#), [setel](#) dan [Googlepay](#).

Teknologi e-Wallet khas ini sangat maju dan boleh melakukan perkara yang lebih menakjubkan pada masa hadapan. Mungkin suatu hari nanti, daripada menggunakan aplikasi pada telefon kita, kita hanya boleh menggunakan cap jari atau mata kita untuk menghantar wang. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sudah menggunakan teknologi hebat ini untuk menghantar bantuan kepada orang yang memerlukan dan memastikan ia pergi ke tempat yang betul.

TOPIK

3

QAWAID

FIQHIYYAH

DALAM

MUAMALAT



QAWAID FIQHIYYAH DALAM MUAMALAT

1 Kaedah pertama

الاصل في المعاملة الاباحة الا أن يدل دليل على تحريمها

"Hukum asal dalam semua bentuk mu'amalah adalah boleh dilakukan kecuali ada dalil yang mengharamkannya"

2 Kaedah kedua

كل قرض جر نفعا فهو ربا

"Setiap pinjaman yang menghasilkan manfaat adalah riba"

1 KAEDAH PERTAMA

الأَصْلُ فِي الْمُعَامَلَاتِ إِلَّا أَن يَدُلَّ دَلِيلٌ عَلَى تَحْرِيمِهَا

“Hukum asal dalam semua bentuk muamalah adalah boleh dilakukan kecuali ada dalil yang mengharamkannya.”

Jual - Beli



DALIL KAEDAH

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ
بِالْبَطْلِ إِلَّا أَن تَكُونَ تِجْرِيَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا نَفْتُلُوهُ
أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَّحِيمًا

٦٩

Wahai orang-orang yang beriman,janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlku dengan suka sama suka diantara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sesungguhnya Allah adalah maha Penyayang kepada kamu.

PENJELASAN

Dalam aktiviti harian kita, terdapat banyak perkara yang boleh kita lakukan seperti membeli dan menjual barang, menyewa barang, meminjam wang, bekerjasama dengan orang lain, dan mewakili seseorang. Tetapi ada juga beberapa perkara yang kita tidak dibenarkan lakukan. (**ada dalil dan nas yang jelas menyatakan pengharamannya**) seperti menimbulkan kerugian, penipuan, perjudian dan riba.

2 KAE DAH KEDUA

كُلْ قَرْضٍ جَرِيْفٌ فَهُوَ رِبَا

"setiap pinjaman yang menghasilkan manfaat adalah riba"



DALIL KAE DAH

يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا أَتَقْوُ اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقَى مِنَ الرِّبَا إِنْ كُنْتُمْ

مُؤْمِنِينَ

"Wahai orang-orang yang beriman ,bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan riba jika kamu orang-orang yang beriman
(Al-baqarah : 278)

PENJELASAN


Apabila seseorang meminjam wang daripada orang lain atau bank, mereka perlu mengembalikan jumlah wang yang sama kepada orang atau bank itu. Jika mereka mengenakan wang tambahan di atas apa yang mereka pinjam, itu namanya riba dan ianya dikira haram.

MAKSUD RIBA

Bahasa:
Tambahkan atau
kenaikan pinjaman

Istilah:
Pertambahan nilai ke atas satu
pinjaman yang disyaratkan
oleh peminjam atau yang
dijanjikan oleh penerima
pinjaman

JENIS-JENIS RIBA



APLIKASI KAE DAH PERTAMA DALAM KEWANGAN ISLAM

1. Pensyarat Bai 'Inah dalam jual beli. Apabila seseorang mengatakan, "Saya jual barang ini kepadamu dengan harga RM 1000 dengan cara kredit, dengan syarat engkau menjualnya kembali kepadaku dengan harga RM 800 secara tunai." Persyaratan tersebut tidak diperbolehkan. Meskipun persyaratan dalam jual beli hukum asalnya boleh, namun khusus untuk persyaratan seperti ini dilarang kerana ada dalil yang melarang, seperti sabda Nabi ini yang bermaksud :

Apabila kalian berjual beli dengan sistem 'Inah (salah satu bentuk riba), dan memegang ekor-ekor lembu, dan redha dengan pertanian (terbuai dengan kehidupan dunia) dan meninggalkan jihad, maka Allah akan menurunkan kehinaan kepada kalian. Dia (Allah) tidak akan mengangkat kehinaan tersebut sehingga kalian kembali ke agama kalian

2. Jika seseorang membeli seberkas kayu dengan syarat kayu tersebut dihantarkan ke rumahnya atau digergaji di tempat tertentu maka jual beli dan persyaratan tersebut sah kerana hukum asal persyaratan itu adalah boleh.

3. Apabila seseorang menjual suatu barang dengan syarat seandainya di kemudian hari si pembeli akan menjual kembali barang itu maka si penjual pertama yang paling berhak untuk membelinya. Dalam kes seperti ini sebahagian Ulama' mengharamkan persyaratan tersebut kerana si pembeli tidak memiliki kebebasan untuk menjual barangnya kepada yang dia kehendaki, yang hal itu bertentangan dengan hakikat kepemilikan atas barang.



APLIKASI KAE DAH KEDUA DALAM KEWANGAN ISLAM

Berasaskan kaedah ini, mana-mana pemberian wang pendahuluan, jika syaratkan wajib bayar modal balik, maka ia tidak lagi boleh disertai dengan syarat yang memberi manfaat tambahan kepada pemberi pinjam. Dalam hal ini, ulama melarang sebarang bentuk manfaat yang disyaratkan. Contohnya:-

1. Said memberi pinjam wang kepada Samad dengan syarat Samad perlu membeli barang dari kedai Said. Hampir sepakat sarjana fiqh mengharamkannya. Pembelian yang disyaratkan kepada Said itu boleh menjadi riba walaupun ia adalah kontrak yang berbeza. Jika TIDAK disyaratkan, tidak mengapa, kerana kedua-dua kontrak itu tiada kaitan.
2. Said berkata kepada Samad: Berikan aku modal RM 1000, aku bayar setiap bulan RM200 selama setahun. Hujung tahun bayar modal. Manfaat bulanan itu adalah riba, tidak kiralah bagaimana cara Said menghasilkan untungnya dengan bisnesnya kepada pelanggan lain.
3. Ketika Said ingin meminjam daripada Samad, Samad berkata kepada Said, aku pinjamkan kamu RM1000 dengan syarat pada bulan depan kamu pula beri pinjam kepada aku RM1000. Dalam kes ini, kelihatan manfaat lebih kepada Samad, kerana pada asasnya Said tidak berniat untuk memberi pinjam kepada Samad bulan depan. Maka majoriti sarjana fiqh mengharamkannya.

Bagaimanapun jika manfaat itu tidak terhad kepada pemberi pinjam, tetapi kedua-dua belah pihak, maka sebahagian besar sarjana terutama mazhab Maliki mengharuskannya. Contohnya:-

1. Dalam kes 'permainan kutu' di kalangan ahli keluarga atau jiran dan rakan. Setiap peserta saling memberi pinjam kepada peserta lain dengan syarat setiap peserta akan turut memberi pinjam. Ini dinamakan sebagai '*Qurud Mutabadilah*'. Manfaat yang terhasil adalah untuk semua pihak kerana mereka bersepakat untuk manfaat bersama. Tetapi tidak dinafikan ada juga sarjana yang mengharamkanya dengan menganggap sama dengan kes no 3 di atas.



TOPIK

4

- KESIMPULAN
- LATIHAN
- RUJUKAN



KESIMPULAN

- Qawaид Fiqhiyyah adalah rangkuman prinsip yang telah diperakui oleh Syarak. Ia membantu memudahkan untuk mencari jawapan kepada masalah feqah.
- Ini bermakna hujah yang dibincangkan bukanlah perkara utama yang menentukan hukum yang sepatutnya. Sebaliknya, ia adalah cara yang teliti untuk menerangkan idea yang berbeza daripada pakar dalam undang-undang
- Para fuqaha bekerja keras untuk mencipta peraturan penting dalam syariat Islam. Adalah penting untuk masyarakat dan pelajar Islam menghargai usaha mereka.



LATIHAN

LATIHAN PENGUKUHAN

1." Qawaid Fiqhiyyah adalah satu mekanisma yang diamalkan dalam pengurusan kewangan Islam untuk menangani keperluan dan perubahan semasa". Berdasarkan pernyataan di atas;

(a) Huraikan secara ringkas berkenaan pengenaan Ta'widh dan Gharamah dalam aplikasi kaedah al-Masyaqqah Tajlibu al-Taisir (kesukaran mendatangkan kemudahan).

(b) Kajian kes

i.Ayam ternakan komersial dibunuh bagi tujuan mengawal wabak selesema burung

ii.Untuk menghindarkan sawahnya daripada tenggelam, seseorang tidak boleh melakukan perbuatan yang menyebabkan sawah kepunyaan orang lain tenggelam dan musnah.

Nyatakan kaedah fiqh yang menjelaskan dua contoh aplikasi diatas.

c) Jelaskan DUA (2) contoh aplikasi kaedah al-Dharar Yuzal (Kemudarat mestiilah dihapuskan) dalam kewangan Islam.

2. Qawaid Fiqhiyyah didefinisikan sebagai kaedah umum yang disimpulkan daripada nas syarak (Al-Quran dan As-Sunnah) dan dapat diaplikasikan kepada permasalahan Fiqh hasil usaha para mujtahid.

Berdasarkan pernyataan di atas;

(a) Huraikan muamalat yang diasaskan daripada kaedah al-Adah Muhakkamah (Adat dijadikan sebagai hukum) .

(b) Jelaskan DUA (2) kepentingan kaedah al-Adah Muhakkamah (Adat dijadikan sebagai hukum) yang digunakan dalam kewangan dan perbankan Islam kini.

(c) Senaraikan DUA (2) isu semasa muamalat berkaitan dengan kaedah al-Adah al-Muhakkamah (Adat dijadikan sebagai hukum)

(d) Nyatakan DUA (2) tujuan niat di dalam perbahasan ilmu Qawaid Fiqhiyyah.



RUJUKAN


Rujukan utama

- Mohamad Zaharuddin Zakaria(2014). *Al-Qawaaid Al-Fihiyyah*. Penerbitan USIM (978-967-440-095-8)
- Abdullah Basmeih (2010).*Tafsir Pimpinan Al-Rahman (Rumi)*. Kuala Lumpur : Darul Fikir (ISBN 9830420132)
- Hasan Ahmad dan Salleh Ahmad (2010).*Usul Fiqh al-Qawaaid al-Fihiyyah*. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid.



Rujukan tambahan

- Wahbah al-Zuhaili (2010).*Pengantar Syariat Islam*.Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid.
- Mohd Saleh Haji Ahmad (2011).*Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid.
- Abd Latif Muda & Dr. Rosmawati Ali (2010).*Perbahasan Kaeah-kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abd Latif Muda & Dr. Rosmawati Ali (2012).*Usul Fiqh dan Kaedah-kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd.



Politeknik Ungku Omar 2023

e ISBN 978-629-7635-07-1



9 786297 635071